

25/05/2003

Kampung Baru akan berubah

Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR: Kampung tradisional Melayu yang terletak di tengah ibu kota,

Kampung Baru dijangka berubah wajah sebaik saja projek pembinaan Kompleks

Budaya Antarabangsa dan Pusat Makanan Antarabangsa oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), siap dibina tidak lama lagi.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek, berkata model

kompleks tiga tingkat yang akan dibina di atas tapak bekas pasar malam seluas 1.2 hektar di Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru itu sudah siap sepenuhnya.

Katanya, DBKL kini hanya menunggu masa yang sesuai untuk mengemukakan tiga model yang sudah disiapkan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad untuk dinilai dalam waktu terdekat ini.

"Tiga model itu adalah model bangunan yang berasaskan rumah tradisional

Melayu, rumah Melayu moden dan pembangunan moden.

"Apabila Perdana Menteri sudah memilih model pembangunan kompleks itu, DBKL tidak akan berlengah lagi mengenai pembinaannya kerana kita mahu kompleks itu dibina secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penutup dan penyampaian hadiah pertandingan Kempen Bulan Kebersihan Kampung Baru dekat sini, semalam.

Mohamad Shaid berkata, disebabkan projek itu berhampiran bangunan PKNS (rumah pangsa) dan PKNS bukan bawah kuasa DBKL tetapi pihaknya akan turut mencantikkan bangunan berkenaan kerana kawasan itu akan menjadi laluan pelancong asing yang mahu ke kompleks itu apabila ia diguna pakai kelak.

"Kita akan mengindahkan kawasan itu termasuk menyediakan pesiar kaki dan

mencantikkan halaman bagi mengelakkan pelancong asing melihat pemandangan

seperti yang ada sekarang. Sekali kita menjalankan pembangunan, kita akan

melakukannya di seluruh Kampung Baru.

"Jika PKNS belum menyerahkan bangunan itu mungkin kerja kita lebih senang tetapi ia sudah diserahkan dan kita tidak boleh bertindak merobohkannya. Sebab itu, kita perlukan kerjasama semua pihak. Walaupun kita belum berbincang lagi dengan PKNS, difahamkan mereka sudah mengetahuinya," katanya.

Beliau berkata, kompleks berkenaan apabila siap kelak dijangka memudahkan pelancong luar negara dan kedutaan asing yang ada di negara ini

menjalankan pelbagai aktiviti kesenian dan kebudayaan negara masing-masing.

"Kita yakin kompleks yang akan dibina ini adalah yang pertama wujud di

negara ini. Apabila siap kompleks ini kelak, kita berharap bukan saja kedutaan dan pelancong yang mendapat manfaatnya tetapi nasib sebahagian besar peniaga Melayu di Kampung Baru juga akan berubah," katanya.

Ini kerana, beliau berkata, pembinaan kompleks setinggi tiga tingkat itu

akan menjadi titik permulaan kepada keseluruhan projek pembangunan Kampung

Baru di masa depan.

"Kita berharap penduduk setempat akan menerima dan menyokong usaha yang

akan dilakukan DBKL dengan fikiran terbuka bagi memastikan Kampung Baru yang rata-ratanya dihuni orang Melayu tidak terus terpinggir daripada arus pemodenan negara.

"Justeru, DBKL bersedia mengadakan perbincangan bila-bila masa dengan penduduk di sini jika wujud sebarang masalah terutama apabila ia berkaitan

dengan pengambilan tanah penduduk kelak," katanya.